

Headline	Kamu bernasib baik		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	36	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	319 cm ²
Journalist	Iskandar Shah Mohamed	AdValue	RM 11,736
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,208



'Kamu bernasib baik'

Bekas guru miliki dadah terlepas hukuman gantung selepas diberi tuduhan pilihan



>>Oleh Iskandar Shah Mohamed

iskandar@hmetro.com.my

MELAKA: "Kamu didapati memiliki lebih daripada satu jenis dadah dan dianggap bernasib baik kerana diberikan tuduhan pilihan berbanding sebelum ini yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati," kata Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Abdul Karim Abdul Jalil ketika menjatuhkan hukuman terhadap seorang bekas guru kerana kesalahan memiliki dadah.

Mohd Fuad Othman, 43, yang masih bujang terlepas daripada tali gantung apabila dijatuhi hukuman penjara selama 31 tahun dan 23 sebatan oleh Mahkamah Tinggi di sini, semalam, selepas mengaku bersalah terhadap empat tuduhan memiliki lebih tiga kilogram bahan haram itu, dua tahun lalu.

Bagaimanapun, jumlah hukuman penjara itu dijalankan serentak iaitu selama 14 tahun.

Terdahulu, tertuduh yang berpakaian cerah kelihatan sugul ketika pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di depan Abdul Karim.

Mohd Fuad kemudian membuat pengakuan bersalah atas semua pertuduhan itu dan turut mengakui fakta serta barang kes dikemukakan pihak pendakwaan.

Mengikut dua tuduhan awal, tertuduh didakwa memiliki dadah jenis kabanis seberat 3,628 gram dan methamphetamine (38.63 gram) di sebuah rumah di Solok Bukit Baru Dalam di

sini, kira-kira jam 6.40 petang, 24 Disember 2010.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 6, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 39A (2) kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan minimum 10 sebatan jika sabit kesalahan.

Bagi tuduhan berikutnya, Mohd Fuad didakwa turut memiliki dadah jenis methamphetamine seberat 14.25 gram di lokasi dan tarikh sama.

Berikutan itu, tertuduh boleh dihukum mengikut Seksyen 39A (1) kanun sama iaitu penjara minimum dua tahun dan minimum tiga sebatan jika sabit kesalahan.

Bagi tuduhan terakhir, tertuduh didakwa memiliki 250 pil Eramin5 yang turut ditemui di lokasi dan tarikh sama.

Bagi pertuduhan itu, Mohd Fuad boleh dihukum mengikut Seksyen 12 (2) kanun sama iaitu denda tidak lebih RM100,000 atau maksimum lima tahun penjara atau kedua-dua sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Haslinda Abu Bakar manakala tertuduh diwakili Esther Tan Siew Choo.

Terdahulu, Tan memohon hukuman diringankan dengan alasan tertuduh yang dua kali putus tunang kini menghidap asma selain disyaki positif HIV.

"Tertuduh yang juga anak bongsu daripada lima beradik mahu kembali ke pangkal jalan dan menjadi tukang jahit jika diberikan peluang. Pengakuan bersalah tertuduh juga menjimatkan kos dan masa mahkamah," katanya.



MALU...Mohd Fuad menutup mukanya ketika dibawa polis keluar dari mahkamah, semalam.